

# HUKUM MENGGUGURKAN KANDUNGAN DAN MEMBEKALKAN BAHAN KONSTRASEPTIF KEPADA PENZINA REMAJA DARI PERSPEKTIF ISLAM

*Anisah Ab. Ghani\**

## ABSTRACT

*The statistic of the cases of pregnancy out marriage among the youngsters shows a frightening increase in the recent years. The Muslims doctors who have to face the pregnant youngsters as their patient are in a very difficult situation in making decision between prescribing to them the contraceptive pills or not. Both are having their own expected consequences. To prescribe contraceptive pills in tantamount to permit adultery to happen and avoiding it will lead to crimes such as illegal abortion and disowning or killing newborn babies as recently being reported in news quite often. This article attempts to give light to this issue from islamic point of view by discussing the islamic perspective on abortion and to give some ideas on the issue of prescribing contraceptive pills to the above youngsters.*

**Keywords:** *Abortion, pregnancy prevention*

---

\* Profesor Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## PENGENALAN

Kes hubungan seks luar nikah (zina), mengandung, menggugur dan membuang anak luar nikah merupakan salah satu isu yang perlu ditangani dengan serius.

Kes-kes berkaitan isu ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.<sup>1</sup> Menurut statistik dari Unit Perubatan Remaja Hospital Kuala Lumpur terdapat pertambahan kes pada setiap tahun. Jumlah kes pada tahun 2007 adalah 466 kes dan meningkat kepada 599 kes pada 2008. Daripada 180 kes berkaitan masalah seksual pada tahun 2008, 86% (155 kes) adalah "*consensual sex*" dan 27% remaja hamil (48 kes). Di kalangan remaja yang hamil didapati 69% (33 kes) adalah remaja Melayu.

Di Hospittal Taiping pula, pada tahun 2008, terdapat seramai 18 orang remaja yang hamil dan sehingga 15 Jun 2009 terdapat seramai 9 orang. Bagi kes penderaan seks pula, terdapat seramai 39 kes pada tahun 2008 dan sehingga 15 Jun 2009 terdapat sebanyak 29 kes. Semua data ini hanyalah merupakan "*tip of the iceberg*" dan kebanyakan kes adalah di kalangan etnik Melayu.

Data daripada hospital dan klinik kerajaan seluruh Negeri Sembilan, pada tahun 2006 terdapat 407 kes kehamilan luar nikah. Bilangan ini telah meningkat kepada 451 kes pada tahun 2007 dan 514 kes pada tahun 2008. 19% daripada kes tahun 2008 adalah melibatkan remaja di bawah 18 tahun dan 65% melibatkan bangsa Melayu.

Data-data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan penderaan seksual menunjukkan pada tahun 2005 terdapat 566 kes, tahun 2006 sebanyak 670 kes, 2007 sebanyak 754 kes, 2008 sebanyak 559 kes. Kebanyakan kes penderaan seksual melibatkan ahli keluarga.

Data-data juga menunjukkan bahawa jenayah-jenayah berikut semakin meningkat dari tahun ketahun.

---

<sup>1</sup> Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia.

### Kes Rogol

Tahun	2005	2006	2007	2008	Sehingga April 2009
Jumlah kes	1274	1710	2234	2507	790
Melayu	914	1327	1818	2052	654

### Kes Buang Bayi

Tahun	2007	2008	Sehingga Mei 2009
Jumlah Kes	76	102	33

## ZINA, PENGGUGURAN DAN PENCEGAHAN KEHAMILAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH

### Zina Dari Perspektif Syariah

Dalam Syariat Islam semua maksiat ada jenayah, hudud, qisas atau takzir. Sesuatu perbuatan dianggap jenayah kerana ia mendatangkan kerosakan kepada individu atau masyarakat.

Zina dari perspektif Syariah adalah jenayah.<sup>2</sup> Ia dikategorikan sebagai jenayah hudud. Jenayah hudud adalah jenayah yang mengakibatkan kemudaratan besar kepada masyarakat. Jika sabit kesalahan hukuman ke atas penjenayah zina ialah rejam sampai mati jika pelakunya telah berkahwin dan disebut 100 sebatan jika dia belum berkahwin. Seperti yang diperintahkan Allah dalam ayat 2 surah al-Nur, hukuman ini mestilah dilaksanakan tanpa mempertimbangkan rasa belas kasihan terhadap penjenayah zina.<sup>3</sup> Allah yang Maha Mengetahui mana yang baik dan mana yang buruk untuk hambanya Maha Mengetahui hanya inilah hukuman yang dapat membanteras jenayah zina. Tiada jalan lain. Ini satu fakta yang sentiasa perlu diingat dalam membincangkan isu berkaitan zina.

<sup>2</sup> Wahbah al-Zuhailī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 6. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 215.

<sup>3</sup> الزانية والزانی فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة ولا تأخذكم بهما رأفة في دين الله إن كنتم تؤمنون بالله

## Zina bukan hak kebebasan peribadi individu

Islam tidak menganggap zina atau seks bebas hak kebebasan peribadi individu, sehingga dengan itu dia berhak melakukannya dan tiada undang-undang boleh menghalangnya. Kaedah Fiqhiyah<sup>4</sup> menjelaskan *الأصل في الأضاع التحريم* “*Hukum asal pada kehormatan (alat kelamin) adalah haram*”. Masyarakat Islam adalah masyarakat yang tidak memberikan kepada individu hak kebebasan untuk melakukan zina atau seks bebas. Oleh itu jenayah zina atau seks bebas hanya berlaku secara berleluasa dalam masyarakat yang tidak menganggap zina sebagai jenayah, malah menganggapnya sebagai hak kebebasan individu. Ia juga berpotensi untuk berleluasa dalam masyarakat yang menganggapnya jenayah tetapi tidak mengenakan hukuman rejam atau sebat ke atas penzina.

Akibat kedua-dua pendirian ini masyarakat dunia hari ini mengalami kesan buruk daripada pelakuan zina dan seks bebas. Malaysia tidak terkecuali.

Dalam hubungan ini Islam selalunya dilihat teraniaya, kerana ia diminta menyelesaikan kesan-kesan negatif daripada perbuatan zina atau seks bebas yang timbul dalam masyarakat yang bukan islamik; masyarakat yang menganggap seks bebas hak individu atau masyarakat yang mengiktiraf zina itu jenayah tetapi tidak melaksanakan hukuman yang sepatutnya ke atas penzina. Ini tidak adil terhadap Islam.

## Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Penyelesaian Kesan Aids<sup>5</sup>

Untuk mengatasi kemudaratan yang timbul daripada zina, seks bebas dari semua aspek PBB telah mencadangkan penyelesaian mudah:

---

<sup>4</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūfī (t.t), *al-Asybah Wa al-Nazāir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 61.

<sup>5</sup> Hay’ah al-‘Ulāmā’ al-Jam’iyyah al-Syari‘yyah al-Ra‘isiyyah, *Al-Ru’yah al-Islāmi Fī Muwājahāt Maraḍ al-Aid*, Kaherah: h. 19-20. Mesir dan negara-negara Islam lain telah menolak aspek-aspek tertentu cadangan tersebut kerana ia jelas bertentangan dengan Syariat Islam.

1. Mengiktiraf seks bebas adalah hak individu.
2. Pendidikan seks di sekolah-sekolah.
3. Menjelaskan penyakit-penyakit hasil seks rambang dan cara mengatasinya.
4. Pencegahan kehamilan dengan membekalkan bahan kontraseptif.

## **PENGGUGURAN DARI PERSPEKTIF SYARIAH**

Perbincangan fuqaha' mengenai isu pengguguran kandungan menampilkan perbezaan pendapat, malah dalam satu mazhab terdapat pendapat yang saling bercanggah. Berikut dirumuskan semua pendapat tersebut dan diakhiri dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh tokoh-tokoh ulamak Kerajaan Arab Saudi.

### **Sebab Menghalalkan Pengguguran**

Ada dua sebab yang membolehkan pengguguran dilakukan:

1. Mengelak mudarat ke atas ibu dan anak.
2. Kandungan mengalami kecacatan melampau.

### **Syarat Boleh Menggugurkan Kandungan**

Ada empat syarat yang membolehkan janin digugurkan:

1. Usia kandungan tidak melebihi 120 hari.
2. Yang menggugurkan adalah isteri yang sah.
3. Izin suami dan isteri.
4. Tidak memudaratkan ibu.

### **Hukum Menggugurkan Kandungan**

Hukum menggugurkan kandungan bergantung kepada peringkat keadaan janin dalam kandungan. Nas syarak membahagikannya kepada tiga tahap: pertama tahap sebelum sempurna sifat, iaitu

bermula daripada benih menempat dalam rahim. Kedua tahap sempurna sifat kejadian sebagai manusia, iaitu setelah usia kandungan 40 hari. Ketiga tahap ditiupkan roh, iaitu setelah janin berada dalam kandungan selama 120 hari atau empat bulan seperti yang dinyatakan dalam hadis riwayat Ibn Mas'ud:

إن أحدكم يجمع خلقه في بطن أمه أربعين يوماً ثم يكون في ذلك علقةً مثل ذلك ثم يكون في ذلك مضغةً مثل ذلك ثم يرسل الملك فينفخ فيه الروح... الحديث<sup>6</sup>

*“Sesungguhnya proses penciptaan seseorang kamu setelah berada dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian dia menjadi ‘alaqah (segumpal darah) selama 40 hari, kemudian menjadi mudghah (segumpal daging) selama 40 hari, kemudian diutuskan malaikat meniupkan ruh kepadanya”*

Berdasarkan tahap-tahap ini pendapat fuqaha' mengenai pengguguran adalah seperti berikut:

Usia kandungan selepas ditiupkan roh iaitu empat bulan (120 hari). Semua fuqaha' sepakat mengharamkannya. Malah ada yang mengharamkannya sekalipun membiarkan kandungan akan membawa mudarat kepada ibu. Alasan yang diberikan ialah: pengguguran di peringkat ini sudah boleh dianggap telah membunuh satu nyawa. Namun fatwa *Lajnah Mawsu'ah Fiqhiyyah* mengharuskan pengguguran selepas ditiupkan roh sekiranya pengguguran satu-satunya *wasīlah* menyelamatkan nyawa ibu.<sup>7</sup>

Usia kandungan sebelum ditiupkan roh. Ia berlaku dalam dua keadaan:

**Pertama**, telah sempurna sifat (sebelum 120 hari). Fuqaha' berbeza pendapat mengenai hukum menggugurkan kandungan di tahap ini seperti berikut:

<sup>6</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Kaifiyyah Khalq al-Ādamiy, dalam Kitāb al-Qadr. No hadis 2643, *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*. Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 1138.

<sup>7</sup> *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf Wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, j. 2, h. 57

Sesetengah ulama Hanafi<sup>8</sup> dan ulama Syafi'i<sup>9</sup> mengharuskan ia digugurkan secara mutlak. Mazhab Hanafi<sup>10</sup> mengharuskan ia digugurkan kerana uzur syar'ī. Satu pendapat lain di kalangan Hanafiyah,<sup>11</sup> Mālikiyah<sup>12</sup> dan Syāfi'iyah<sup>13</sup> ia makruh digugurkan.

**Kedua**, usia kandungan sebelum sempurna sifat (sebelum 40 hari). Dalam keadaan kedua ini juga ulamak berbeza pendapat. Syāfi'iyah<sup>14</sup> dan Hanābilah mengharuskan. Mālikiyah<sup>15</sup>, al-Imām al-Ghazālī<sup>16</sup> mengharamkan ia digugurkan secara mutlak. Maksudnya, haram digugurkan dalam semua peringkat kandungan.

Meneliti semua pendapat ini dapat disimpulkan bahawa pendapat ulama' mengenai pengguguran sebelum ditiupkan roh adalah seperti berikut:

1. Pengguguran sebelum ditiupkan roh dan sebelum 120 hari (4 bulan); fuqaha' khilaf tentang bila janin dianggap sebagai satu jiwa, dari situ mereka khilaf tentang hukum menggugurkannya.
2. Menggugurkan kandungan dalam tempoh ini tidak dianggap membunuh satu nyawa.
3. Sesetengah mereka yang mengharamkan pengguguran di tahap ini membandingkannya dengan haram membinasakan telur binatang buruan di Tanah Haram, ini menggambarkan bahawa

---

<sup>8</sup> Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn Ibn 'Umar (1979), *Ḥāsyīyyah Rad al-Mukhtār*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 176.

<sup>9</sup> Shihāb al-Dīn Bin Aḥmad al-Qalyūbī, *Ḥāsyīyyah al-Qalyūbī 'Alā Syarh al-Muḥalla 'Alā al-Minhāj*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 159-160.

<sup>10</sup> Ibn 'Ābidīn (1979), *op.cit.*

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Al-Dusūqī Shams al-Dīn Muḥammad Ibn 'Arafah, *Ḥāsyīyyah al-Dasūqī*, j. 2. Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 26-27

<sup>13</sup> Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Shihab al-Dīn al-Ramlī (1984), *Nihayat al-Muḥtāj*, j. 7. Beirut: Dār al-Fikr, hh. 379-380.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> al-Dusūqī, *op.cit.*

<sup>16</sup> al-Ghazzālī, Abu Ḥamīd Muḥammad Bin Muḥammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Maṭba'ah al-Istiqāmah, j. 2, h. 53.

mereka menganggap pengguguran itu perbuatan membinasakan sesuatu yang tidak memudaratkan, oleh itu ia jadi haram. Di antara mereka ada yang mengatakan pengguguran di tahap ini haram kerana apabila nutfah telah mengambil tempat dalam rahim ia sudah bersedia menerima roh.

4. Janin memiliki kehormatan sendiri sejak awal kejadiannya, buktinya syarak menangguhkan pelaksanaan hukuman ke atas wanita hamil (al-Ghāmidīyyah) sehingga dia melahirkan anaknya.

Namun demikian fatwa ulamak Kerajaan Arab Saudi telah memutuskan seperti berikut:<sup>17</sup>

*Tidak harus menggugurkan kandungan di semua tahap usia kandungan kecuali dengan alasan syar'ī dan dalam batas yang sangat sempit. Sekiranya kandungan dalam tahap empat bulan pertama dan penggugurannya atas alasan maslahat atau menolak mudarat yang dijangka berlaku, maka penggugurannya adalah diharuskan. Namun menggugurkannya pada tahap ini kerana bimbangankan kesukaran mendidik anak-anak, tidak mampu menanggung sara hidup dan pendidikan atau kerana bimbangankan masa depan mereka atau kerana suami isteri sudah berpada dengan bilangan anak yang ada, kesemua ini tidak mengharuskan pengguguran kandungan. Tidak harus menggugurkan kandungan di peringkat 'alāqah atau mudghah kecuali setelah satu kumpulan doktor yang dipercayai mengakui bahawa mengekalkan kandungan akan membahayakan ibunya. Ia diharuskan setelah semua usaha mengelakkan bahaya dilakukan.*

### **Menggugurkan kandungan zina**

Seperti perbincangan pengguguran kandungan hasil hubungan suami isteri fuqaha' juga membahagikan kandungan zina kepada tiga tahap:

---

<sup>17</sup> Hānī 'Abdullah al-Jābir: *Al-Islām Net*, 8 Mac 2005 h. 3.



1. Tahap sebelum sempurna sifat, iaitu bermula daripada benih menempat dalam rahim sehingga 40 hari.
2. Tahap sempurna sifat kejadian sebagai manusia, iaitu setelah janin berusia 40 hari.
3. Tahap setelah ditiupkan roh, iaitu setelah janin berusia 120 hari (4 bulan).

### *Menggugurkan kandungan zina selepas ditiupkan roh*

Semua penulisan fuqaha' sepakat mengharamkan pengguguran kandungan zina apabila janin telah sampai di usia ditiupkan roh. Alasan yang dikemukakan ialah:

1. Semua alasan pengharaman menggugurkan kandungan hasil hubungan suami isteri.
2. *Qiyās awlawi*: kalau kandungan hasil hubungan suami isteri haram digugurkan, maka kandungan hasil hubungan zina lebih-lebih lagi haram digugurkan.

### *Menggugurkan kandungan zina setelah sempurna sifat*

Fuqaha' berbeza pendapat mengenai hukum kes ini seperti berikut:

1. Menggugurkan kandungan setelah sempurna sifat (40 hari) adalah diharamkan atas alasan:
  - a. Kisah al-Ghāmidīyah<sup>18</sup> yang mengandung dan mengaku zina kepada Rasulullah s.a.w:

جاءته امرأة من غامد من الأزدي فقالت : يا رسول الله طهرني فقال : ويحك ارجعي فاستغفري الله وتوبى إليه ، فقالت : أراك تريد أن ترددني كما رددت معاذ بن مالك ، قال : وما ذاك ؟ قالت إنها حبلت من الزنا ، فقال : إنك ؟ قالت : نعم ، فقال لها : حتى تضعي ما في بطنك ، قال : فكفلها رجل من الأنصار حتى وضعت ، قال : فأتى النبي (ص) فقال : قد وضعت الغامدية ، فقال : إذا لا نرجمها وندع ولدها

<sup>18</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *op.cit.* Hadis no. 1695. Kitāb al-Ḥudūd.

صغيرا ليس له من يرضعه ، فقام رجل من الأنصار فقال:  
إلي رضاعه يا نبي الله ، قال : فرجمها

*“Seorang perempuan dari kabilah al-Ghāmidīyyah dari Azd dan berkata: Ya Rasulullah, bersihkanlah saya. Sabda Baginda: celakalah kamu, baliklah, minta ampunlah kepada Allah dan bertobatlah”. Jawab al-Ghāmidīyyah: “adakah engkau menyuruh aku berulang-ulang seperti engkau menyuruh Ma‘iz bin Mālik berulang-ulang”. Sabda Baginda: “apa halnya?”. Jawab al-Ghāmidīyyah: dia mengandung kerana berzina”. Sabda Baginda: Engkau??. Jawab al-Ghāmidīyyah: “Ya”. Baginda bersabda: “sehingga engkau melahirkan kandunganmu”. Abi Buraydah berkata: “seorang Anṣār telah sanggup menjaganya sehingga dia bersalin”. Kata Abu Buraydah: “lelaki Anṣār itu menemui Baginda menyatakan al-Ghāmidīyyah telah bersalin”. Sabda Baginda: “kalau begitu kita tidak merejamnya dan membiarkan anak kecilnya tanpa ada orang yang menyusukannya”. Seorang lelaki Anṣār bangun dan berkata: saya bertanggungjawab menyusukannya ya Rasulullah”. Kata Abu Buraydah: “Rasulullah s.a.w pun merejamnya”.*

Jalan hujjah ialah:

- i. Rasulullah s.a.w tidak mengarahkan al-Ghāmidīyyah menggugurkan kandungan zinanya. Sekiranya menggugurkan kandungan zina di usia tahap ini diharuskan tentulah Baginda s.a.w mengarahkannya berbuat demikian.
  - ii. Baginda menanggukkan hukuman kerana memelihara janin dalam kandungan
  - iii. Baginda juga tidak bertanya tentang usia kandungan.
- b. Mudarat keaiban yang ditanggung pezina dan keluarga tidak boleh dijadikan alasan. Oleh itu mengelak kemudaratan terbabit tidak boleh dianggap sebagai *maṣlaḥah syar‘iyyah*.

- c. Sekalipun menghalalkannya ada masalah kepada pezina dan keluarganya tetapi ia hanya masalah khusus, sedangkan pengharamannya menjamin masalah umum, kerana ia akan membawa kepada kemudaratannya nyata dalam masyarakat:
- i. Ia akan menjadi pemangkin kepada merebaknya perbuatan zina, lebih-lebih lagi di zaman di mana zina itu mudah didapati di mana-mana.
  - ii. Mendedahkan institusi keluarga kepada porak-peranda. Kemungkinan isteri dan anak-anak dijangkiti penyakit-penyakit berjangkit seperti penyakit kelamin, aids dan lainnya. Kaedah fiqhiyyah<sup>19</sup> mengatakan: يدفع الضرر العام بتحمل الضرر الخاص “Kemudaratannya dipertahankan dengan menanggung kemudaratannya khusus”. Kaedah lain dengan maksud yang sama ialah: إذا تعارضت المصلحة العامة والمصلحة الخاصة قدمت المصلحة العامة. “Apabila masalah umum bertembung dengan masalah khusus, masalah umum diutamakan”.
- d. Menghalalkan pengguguran di tahap ini membawa kepada perkara haram. Sesuatu yang membawa kepada haram adalah haram.

Kaedah fiqhiyyah<sup>20</sup> menyatakan:

ما يؤدي إلى الحرام فهو حرام

“Sesuatu yang membawa kepada haram adalah haram”.

2. Menggugurkan kandungan atas uzur syar‘ī. Sebab syar‘ī yang mengharuskan ialah: mengekalkan kandungan akan memudaratkan ibu zina. Ada fuqaha’ yang mengharuskannya. Kerana memelihara nyawa ibu lebih utama daripada memelihara nyawa janin.<sup>21</sup>
3. Ada pendapat mutakhir<sup>22</sup> mengatakan harus digugurkan di tahap ini sekiranya pezina terdiri daripada orang baik-baik,

<sup>19</sup> ‘Abdul Karīm Zaīdān (1993), *Al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Tawzī‘ Wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 380.

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qaraḍawī (1993), *Al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 31.

<sup>21</sup> *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, op.cit. j. 2, h. 57.

<sup>22</sup> [www.islamtoday.net/nawafeth-artshow-86-5227.htm](http://www.islamtoday.net/nawafeth-artshow-86-5227.htm)

kebiasaannya tidak melakukan perbuatan jahat dan zina. Namun kalau latar belakang hidupnya kerap melakukan perbuatan jahat dan zina dia haram menggugurkan kandungan zinanya. Alasan yang diberikan ialah:

- a. Sekalipun janin telah lengkap sifat dalam tempoh 40 hari namun asalnya adalah *nutfah* yang tidak dihormati kerana ia hasil daripada zina dan *nutfah* pula boleh dibuang melalui ‘*azal*.
- b. Fuqaha’ telah mengharuskan kandungan digugurkan dalam tahap ini atas alasan masalah syar‘iyyah demi menolak mudarat yang diandaikan akan berlaku.

### *Menggugurkan kandungan zina sebelum sempurna sifat (sebelum 40 hari)*

Hukumnya adalah haram. Alasannya adalah sama dengan alasan pengharaman mengugurkan kandungan setelah sempurna sifat (setelah 40 hari).

### *Menggugurkan kandungan OKU (mental dan fizikal yang tidak mampu mengurus diri sendiri)*

Mereka yang didapati ujian IQ nya di bawah paras 80<sup>23</sup> tidak dikira sebagai mukallaf. Mereka tidak bertanggungjawab di atas apa-apa perbuatan jenayah. Oleh itu hukum menggugurkan kandungan golongan ini adalah seperti berikut:

---

<sup>23</sup> Dalam Syariat Islam cacat kelayakan berlaku dalam tiga kategori: Pertama Cacat menggugurkan kelayakan: (taklif) tidur, pitam, gila dan mabuk. Kedua: Cacat mengurangkan kelayakan: *al-‘Atah*, kecacatan yang menyebabkan kekurangan pada akal yang mengakibatkan pengidapnya campuraduk pada perkataan dan fikirannya, kadangkala pemikiran dan perkataannya seperti orang berakal sempurna, kadangkala seperti orang gila. Dia bukan hilang akal sepenuhnya. Dia sama dengan kanak-kanak belum mumaiyiz. Ketiga: *Safah* dan *ghaflah*, kekurangan yang berlaku kepada seseorang, mendorongnya bertindak di luar tindakan akal sempurna dan di luar kebijaksanaan di samping hakikat akal tetap kekal padanya. Ia tidak mencatatkan keahlian. Dia dikenakan hukuman hudud. Dr. Hamad ‘Ubaid al-Kubaysī (1975), *Uṣūl al-Aḥkām Wa Ṭurūq al-Istinbāṭ Fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, Baghdad: Dār al-Hurriyyah, j. 2 h. 224.

1. Usia kandungan kurang daripada 120 hari harus digugurkan
2. Usia kandungan melebihi 120 hari haram digugurkan kecuali jika memudaratkan nyawa ibu.

### *Menggugurkan kandungan wanita dirogol*

Fuqaha membezakan antara kandungan hasil zina dengan kandungan hasil rogol. Penzina telah melakukan jenayah zina dengan kerelaan. Mangsa rogol bukan penjenayah zina kerana perbuatan zina dipaksakan ke atasnya. Atas dasar perbezaan ini hukum fuqaha ke atas kes menggugurkan kandungan rogol juga berbeza.

Untuk menentukan hukum kes ini fuqaha membahagikan usia kandungan rogol kepada dua tahap:

1. Usia kandungan telah melebihi 120 hari, semua fuqaha mengharamkannya tanpa uzur dan tanpa keperluan syar'ie. Alasannya ialah semua hujjah-hujjah pengharaman menggugurkan janin setelah berusia 120 hari di atas.
2. Usia kandungan sebelum sampai 120 hari adalah diharuskan kerana menggugurkan kandungan di peringkat ini tidak dianggap jenayah ke atas satu nyawa. Oleh itu ia diharuskan kerana ada uzur dan keperluan syar'ī.

### **Mencegah Kehamilan**

Hukum mencegah kehamilan dapat dilihat dalam bentuk-bentuk berikut:

1. Mencegah melalui pemandulan:

Jika pemandulan dilakukan atas sebab *darūrah syar'iyah* ia diharuskan jika ia dilakukan bukan atas sebab *darūrah syar'iyah* ulamak sepakat ia adalah diharamkan.

2. Pencegah dengan mengambil bahan konstraseptif:

Mencegah kehamilan cara konstraseptif atas alasan uzur *syar'ī* diharuskan.

Mengambil bahan kontraseptif tanpa uzur *syar'ī*, fuqaha' berbeza pendapat:

Pendapat pertama mengatakan diharuskan, ia diqiyaskan ke atas isu '*azal*,<sup>24</sup> ia diharuskan. Setelah Rasulullah s.a.w mengetahuinya Baginda tidak menghalangnya.

Pendapat kedua mengatakan makruh kerana ia telah menyimpang daripada tujuan asal perkahwinan iaitu mendapatkan zuriat.

### **Mencegah kehamilan zina**

Maksud mencegah kehamilan zina ialah mencegahnya dengan menggunakan bahan kontraseptif setelah berzina dan membekalkannya kepada mereka yang berisiko tinggi akan melakukan zina.

Membekalkan bahan kontraseptif kepada penzina dan mereka yang berisiko tinggi akan melakukan zina adalah haram: alasan pengharamannya ialah:

1. Semua alasan pengharaman menggugurkan kandungan selepas janin ditiupkan ruh (120 hari) dalam kes 2.4.2 dan setelah janin sempurna sifat (40 hari) dalam kes 2.4.3. Sekalipun dalam kes ini kehamilan belum pasti berlaku namun tujuan mengambil bahan kontraseptif adalah sama. Natiyah dari kedua-dua perbuatan ini juga adalah sama. Oleh itu ia mengambil hukum yang sama. Kerana itulah fuqaha meletakkan kedua-dua kes ini dalam satu perbincangan yang sama.
2. Membekalkan bahan kontraseptif kepada mereka yang berisiko tinggi melakukan zina akan menggalakkan mereka melakukan zina yang telah diharamkan. Ini akan mengakibatkan zina akan berleluasa dalam masyarakat. Ia pasti akan mendatangkan mudarat kepada masyarakat. Ada dua kaedah fiqh yang boleh dijadikan hujjah mengharamkannya:

---

<sup>24</sup> Mengeluarkan mani di luar faraj isteri

- a. Kaedah fiqh ما يؤدي إلى الحرام فهو حرام yang dikemukakan di atas.
  - b. Kaedah fiqh<sup>25</sup> الضرر يزال 'sesuatu yang memudaratkan mestilah dihapuskan'. Satu daripada usaha menghapuskannya ialah dengan tidak membekalkan bahan kontraseptif kepada mereka yang telah dan berpotensi tinggi melakukan zina.
3. Kes ini tidak boleh diqiyaskan kepada kes menggugurkan kehamilan oleh suami isteri dalam peringkat ini, kerana :
- a. Pengguguran oleh suami isteri tidak mengakibatkan zina berleluasa dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat.
  - b. Masalah yang dipelihara dalam kes suami isteri adalah khusus. Masalah yang cuba dipelihara dalam kes zina adalah umum. Kedua-duanya adalah kes yang berbeza, hukumnya juga berbeza.
4. Pandangan yang mengatakan *nutfah* tiada kehormatan, oleh itu ia boleh dibersihkan dari rahim penzina, sama dengan kes 'azal tidak boleh diterima, kerana hadis al-Ghāmidīyah membuktikan *nutfah* dalam rahim dihormati. Dalam kes 'azal mani ditumpahkan di luar faraj, dalam kes zina ditumpah ke dalam faraj, kedua-duanya adalah kes yang berbeza, hukum juga berbeza.

Namun dalam keadaan di mana tidak membekalkan bahan kontraseptif akan mendatangkan kemudaratan lebih besar kepada penzina atau kepada anak yang mungkin akan lahir serta masyarakat, doktor bolehlah mempertimbangkan untuk membekalkan bahan kontraseptif kepada penzina dengan syarat mengambil kira:

- a. Untuk kes kali pertama sahaja
- b. Tiada sokongan ibu bapa, penjaga atau lain-lain
- c. Taraf ekonomi yang meruncing (kemiskinan tegar)

---

<sup>25</sup> al-Suyūfī, *op.cit.* h. 83.

- d. Persekitaran tidak sihat
- e. Kesihatan mental dan fizikal
- f. Izin keluarga atau penjaga

Mempastikan penzina mendapat bimbingan, kaunseling dan pemantauan sempurna bagi tujuan membimbingnya meninggalkan perbuatan zina.

*Membekalkan bahan kontraseptif kepada OKU (mental dan fizikal yang tidak mampu mengurus diri sendiri)*

Membekalkan bahan kontraseptif kepada golongan ini adalah diharuskan dalam keadaan berikut:

- i. Untuk menyekat kitaran haid dalam tempoh tertentu.
- ii. Untuk mengelakkan mereka yang berisiko tinggi akan dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- iii. Menyekat kehamilan secara berkekalan tidak diharuskan kecuali dalam keadaan di mana tidak menyekat kehamilan kekal akan mendatangkan kemudaratan lebih besar kepada golongan terbabit dan atau keluarga. Doktor bolehlah mempertimbangkan untuk melakukan sekatan kehamilan kekal.

## **CADANGAN PENYELESAIAN<sup>26</sup>**

Perbincangan di atas menjelaskan bahawa membekalkan bahan kontraseptif kepada penzina tidak diharuskan dalam syariat Islam. Ia tidak menyelesaikan masalah kajian, malah semakin membawa kemudaratan kerana perbuatan zina akan merebak dalam masyarakat.

Memang pada hakikatnya tiada jalan pintas mengatasi masalah ini selain dari kembali kepada penyelesaian yang telah disediakan oleh Pencipta manusia yang tahu kekuatan dan kelemahan

---

<sup>26</sup> *Op.cit.* dalam *al-Ru'yah al-Islāmiyyah Fī Muwājahāt Maraḍ al-Aids* dikemukakan cadangan lengkap mengatasi penyakit aids yang boleh juga digunapakai mengatasi isu yang dibincangkan ini.



manusia, tahu apa yang diperlukan dan tidak diperlukan mereka, tahu apa yang membawa manfaat dan mudarat ke atas mereka. Oleh itu cadangan-cadangan berikut dikemukakan.

1. Menolak gagasan yang dibawa dan mahu dipaksakan PBB ke atas dunia; mengiktiraf seks bebas atau zina adalah hak kebebasan peribadi individu.
2. Mengiktiraf bahawa zina itu jenayah berat dan membawa mudarat besar kepada institusi keluarga dan masyarakat.
3. Mengadakan kempen besar-besaran menyedarkan masyarakat mengenai dosa dan kemudaratan zina kepada kehidupan keluarga dan masyarakat. Kempen ini mestilah dilakukan seperti kempen anti dadah. Kalau dadah dianggap najis, zina mestilah dianggap pemusnah akhlak dan pembawa bencana kepada institusi keluarga dan masyarakat.
4. Memerangi jenayah ini seperti memerangi najis dadah.
5. Menyediakan pusat-pusat serenti atau apa juga istilahnya, bagi membangun keinsafan kepada penjenayah-penjenayah zina, hamil atau tidak, sama seperti pusat serenti penagih dadah.
6. Penzina yang datang ke klinik-klinik kerajaan atau swasta, mengaku telah melakukan zina dan meminta dibekalkan bahan kontraseptif hendaklah dianggap telah mengaku melakukan jenayah zina. Doktor atau pegawai kesihatan yang ditemuinya hendaklah bertanggungjawab melaporkan kes itu kepada pihak berkuasa: polis atau mahkamah syariah dan seterusnya menjadi saksi perbicaraan seperti kes-kes jenayah lain. Mungkin ada unsur negatif di sebalik cadangan ini namun bagaimana ia dapat dilaksanakan perlu difikirkan.
7. Kes juga mesti diberitahu kepada ibubapa atau penjaga penzina terbabit dan penempatannya di pusat-pusat serenti mestilah dalam pengetahuan mereka.
8. Institusi-institusi berkaitan agama mestilah lebih peka terhadap isu ini berbanding orang lain. Tindakan proaktif perlulah diambil.

## KESIMPULAN

### 1. Pengguguran

*Orang Normal (akil, baligh, waras, matang)*

i. Menggugurkan kandungan hasil zina

Hukum menggugurkan kandungan hasil zina

Kandungan hasil zina haram digugurkan dalam semua keadaan kecuali mengekalkan kandungan akan memudaratkan nyawa ibu.

ii. Menggugurkan kandungan hasil rogol

Hukum menggugurkan kandungan hasil rogol

a. Usia kandungan melebihi 120 hari haram digugurkan kecuali jika memudaratkan nyawa ibu.

b. Usia kandungan kurang daripada 120 hari harus digugurkan.

iii. OKU (mental dan fizikal yang tidak mampu mengurus diri sendiri)

Menggugurkan kandungan golongan OKU yang ujian akalanya di bawah paras 80 adalah seperti berikut:

a. Usia kandungan kurang daripada 120 hari harus digugurkan.

b. Usia kandungan melebihi 120 hari haram digugurkan kecuali jika memudaratkan nyawa ibu.

### 2. Membekalkan bahan kontraseptif

*Zina*

Secara umum membekalkan bahan kontraseptif kepada penzina adalah haram. Namun dalam keadaan di mana tidak membekalkan bahan kontraseptif akan mendatangkan kemudatan lebih besar kepada penzina dan atau kepada anak yang mungkin akan lahir serta masyarakat doktor bolehlah

mempertimbangkan untuk membekalkan bahan kontraseptif kepada pezina dengan syarat mengambil kira:

- a. Untuk kes kali pertama sahaja.
- b. Tiada sokongan ibu bapa, penjaga atau lain-lain.
- c. Taraf ekonomi yang meruncing (kemiskinan tegar).
- d. Persekitaran tidak sihat.
- e. Kesihatan mental dan fizikal.
- f. Izin keluarga atau penjaga.
- g. Mempastikan pezina mendapat bimbingan, kaunseling dan pemantauan sempurna.

### *Rogol*

Membekalkan bahan kontraseptif untuk mangsa rogol adalah harus.

Perhatian: Takrif rogol dalam perspektif Syariat Islam berbeza dengan takrif undang-undang jenayah sivil.

### *Berpenyakit*

Merawat penyakit (HIV, penyakit kelamin dan lain-lain) adalah diharuskan.

- a. Membekalkan bahan kontraseptif kepada pesakit yang dijangkiti atas perbuatan sendiri tidak diharuskan.
- b. Membekalkan bahan kontraseptif kepada pesakit yang dijangkiti melalui suami atau pemindahan darah di haruskan.

### *OKU (mental dan fizikal yang tidak mampu mengurus diri sendiri)*

Membekalkan bahan kontraseptif kepada golongan ini adalah diharuskan dalam keadaan berikut:

- a. Untuk menyekat kitaran haid dalam tempoh tertentu.

- b. Untuk mengelakkan mereka yang berisiko tinggi akan dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- c. Menyekat kehamilan secara berkekalan tidak diharuskan kecuali dalam keadaan di mana tidak menyekat kehamilan kekal akan mendatangkan kemudaratannya lebih besar kepada golongan terbabit dan atau keluarga. Doktor bolehlah mempertimbangkan untuk melakukan sekatan kehamilan kekal.

## **PENUTUP**

Zina adalah jenayah yang sangat besar kemudaratannya ke atas masyarakat. Usaha-usaha menghapuskannya mestilah dilakukan dengan serius. Sikap pandang ringan terhadap jenayah zina akan mendedahkan rakyat dan negara kepada bencana. Fakta-fakta yang dikemukakan di atas sangat membimbangkan. Sebarang cadangan pengguguran kandungan hasil perbuatan zina dan cadangan membekalkan bahan kontraseptif kepada mereka yang berisiko tinggi melakukan zina mestilah dibuat dengan teliti berdasarkan hukum syarak.